

SOALAN NO.511

penggunaan pengangkutan awam darat berasaskan sistem data dan akan memudahkan pengguna untuk merancang perjalanan mereka melalui data masa sebenar (*'real-time data'*) daripada semua pihak pengendali termasuk MRT, LRT dan bas-bas berhenti-henti.

Untuk memastikan kejayaan program-program ini, SPAD sentiasa melibatkan Pihak Kerajaan Negeri dan Pihak berkuasa Tempatan (PBT) dalam perbincangan dan perancangan, terutamanya daripada aspek penyediaan infrastruktur. Sokongan dan kerjasama pihak-pihak tersebut amat diperlukan bagi memastikan ianya dapat dilaksanakan sepertimana yang dirancang.

Sekian, terima kasih